

KOD TATAKELAKUAN

PUMA menghormati Hak Asasi Manusia. Penghormatan ini menjadi penentu penglibatan kami dengan masyarakat di mana kami beroperasi, serta dengan rakan kongsi di seluruh rantai bekalan kami. PUMA menghormati alam sekitar. Kami bertekad untuk mengendalikannya, mengurangkan dan melaporkan apa-apa kesan terhadap alam sekitar yang berpunca daripada organ-

isasi kami dan rantai bekalan kami. Kedua-dua komitmen ini dinyatakan secara terbuka dan telus dalam Kod Tatakelakuan PUMA. Semua Pekerja dan Vendor kami serta Sub Kontraktor mereka perlu mematuhi Kod Tatakelakuan ini sepenuhnya. Jika terdapat perbezaan atau timbul konflik, standard yang paling tinggi akan diguna pakai.

HUBUNGAN PEKERJAAN

Vendor dan sub kontraktor mereka perlu melaksanakan dan mematuhi peraturan dan syarat pengambilan kerja yang menghormati pekerja, dan, paling minimum, menjaga hak mereka di bawah undang-undang dan peraturan buruh tempatan dan antarabangsa serta keselamatan sosial.

TIADA BURUH KANAK-KANAK

Vendor dan sub kontraktor mereka tidak boleh menggaji sesiapa di bawah umur 15 tahun, atau umur minimum tempatan yang sah, atau umur penamatan persekolahan wajib, yang mana satu antara ketiga-tiganya yang lebih tinggi.

PERSEKITARAN KERJA YANG SELAMAT

Vendor dan sub kontraktor mereka mesti menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan bersih bagi semua pekerja. Vendor dan sub kontraktor mereka mesti mengambil semua langkah berjaga-jaga yang boleh untuk mengelakkan kemalangan di tempat kerja, serta mesti mempromosikan amalan kesihatan pekerjaan dan keselamatan baik secara aktif.

KEBEBASAN ASOSIASI & TAWAR-MENAWAR KOLEKTIF

Vendor dan sub kontraktor mereka mesti menjamin hak pekerja untuk menyertai kesatuan, atau persatuan lain yang berkaitan dengan kerja atau industri, serta untuk tawar-menawar secara kolektif. Hak ini mesti diberikan tanpa rasa takut terhadap gangguan, masuk campur atau balasan.

TIADA DISKRIMINASI

Vendor dan sub kontraktor mereka tidak mendiskriminasi terhadap mana-mana pekerja mereka. Pekerja dilayan dengan hormat dan sama rata tanpa mengira agama, umur, gender, kehamilan, status perkahwinan, kekurangan upaya, kewarganegaraan, bangsa, etnik asal, pendapat politik atau orientasi seksual.

AMALAN PERNIAGAAN BERETIKA

PUMA SE tidak akan bertoleransi terhadap korupsi sama ada dalam rantai bekalan atau operasinya sendiri.

HARGA DIRI DAN HORMAT

Gangguan, hukuman korporal dan penderaan dari segi fizikal, seksual, psikologi atau lisan tidak diterima dalam rantai bekalan PUMA. Vendor dan sub kontraktor mereka tidak boleh menggunakan apa jua bentuk buruh paksa, termasuklah buruh penjara, kuli kontrak atau buruh terikat.

PAMPASAN ADIL

Setiap pekerja mempunyai hak untuk mendapat pampasan/bayaran bagi minggu kerja biasa yang cukup untuk memenuhi keperluan asas pekerja dan memberikan sedikit pendapatan mengikut budi bicara. Majikan mesti membayar sekurang-kurangnya gaji minimum atau gaji lazim, yang mana satu lebih tinggi, mematuhi semua keperluan undang-undang berkenaan gaji serta menyediakan manfaat lain yang dinyatakan oleh undang-undang atau kontrak.

Apabila pampasan tidak memenuhi keperluan asas pekerja dan memberikan sedikit pendapatan mengikut budi bicara, setiap majikan perlu berbincang dengan pemegang saham untuk mengambil tindakan yang sesuai yang berusaha untuk mencapai tahap pampasan yang berpatutan.






TIADA WAKTU KERJA BERLEBIHAN

Pekerja vendor dan sub kontraktor mereka mestilah tidak dipaksa bekerja melebihi minggu kerja lazim mereka dan kerja lebih masa maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang buruh tempatan. Minggu kerja lazim tidak boleh melebihi 48 jam dan satu hari cuti mesti diberikan bagi setiap tempoh tujuh hari.

Selain daripada keadaan istimewa, jumlah jam bekerja lazim dan lebih masa mestilah tidak melebihi 60 jam. Kerja lebih masa mestilah dilakukan secara sukarela dan diberi pampasan pada kadar premium dan tidak boleh diminta secara kerap.

MENGHORMATI ALAM SEKITAR

Vendor dan sub kontraktor mereka mesti menghormati undang-undang perlindungan alam sekitar tempatan atau standard antarabangsa industri, yang mana satu lebih tinggi. Semua Vendor dan sub kontraktor mesti mengukur dan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar secara beransur-ansur.

RANTAU	TELEFON	BAHASA
Asia Tenggara	+84 989385612 +628 11 227 2143	
Asia Selatan	+880 1708469256	
Asia Timur	+86 13622884924	
Amerika	+503 77871132	
Eropah, Timur Tengah & Afrika	+49 15114743876 +90 532 483 6685	

Vendor dan sub kontraktor bersetuju bahawa amalan perniagaan mereka tertakluk kepada pemerhatian. Semua sub kontraktor mesti disahkan oleh PUMA dan vendor bertanggungjawab untuk memastikan Kod Tatakelakuan ini dihormati oleh sub kontraktor mereka.

PUMA SE berhak untuk menghentikan perdagangan dengan mana-mana syarikat yang didapati melanggar Kod Tatakelakuan ini.

Sila ajukan semua pertanyaan, aduan dan cadangan berkenaan kod ini dan implementasinya ke sustain@puma.com atau hubungi Pasukan Kelestarian PUMA tempatan anda.